

123

SOALAN NO. 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LIEW CHIN TONG
[KLUANG]**

TARIKH : 29 MAC 2018

SOALAN :

YB Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah Peruntukan Khas Perdana Menteri untuk Kawasan Parlimen dan Peruntukan Khas Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah diluluskan dan disalurkan kepada kawasan Parlimen Ayer Hitam bagi tahun 2013 sehingga 2017 mengikut pecahan projek/program yang terperinci.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi kawasan Parlimen Ayer Hitam bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah sebanyak RM5.997 juta bagi pelaksanaan 367 program/projek.

Peruntukan ini meliputi pelbagai kategori termasuk sumbangan bagi aktiviti/program, bantuan kebajikan dan kecemasan, pembekalan peralatan/kelengkapan dan sebagainya.

Peruntukan ini diagihkan selepas pertimbangan sewajarnya dibuat berdasarkan kepada keutamaan, keperluan dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

125

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 29 MAC 2018 (KHAMIS)

SOALAN : 57

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan penerbangan domestik di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah memandangkan terdapat peningkatan dari segi jumlah penumpang sejak tahun 2008. Apakah status cadangan Kerajaan untuk mewujudkan lapangan terbang yang baru di Gerbang Perindustrian Cempaka Sari di Mukim Bota dan Lambor Kanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat penerbangan Negara untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan domestik secara terus ke Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah (LTSAS), Ipoh, Perak dengan menawarkan pelbagai insentif oleh Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) menerusi *Airlines Incentives Programme*.

Walau bagaimanapun, perancangan untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan domestik secara terus ke LTSAS adalah ditentukan oleh syarikat-syarikat penerbangan di Malaysia berdasarkan kepada *commercial viability* sesuatu laluan.

Satu Kajian Kebolehlaksanaan Berhubung Cadangan Pembangunan Gerbang Perindustrian Cempaka Sari (GPCS) oleh Kerajaan Negeri Perak yang melibatkan cadangan pembinaan sebuah lapangan terbang baru di Perak telah dimuktamadkan. Sehubungan itu, Kerajaan sedang meneliti hasil kajian tersebut dan akan membuat keputusan sewajarnya.